



KERAJAAN MALAYSIA

MANUAL PROSEDUR KERJA 1GFMAS
MODUL *ASSET ACCOUNTING* (AA)

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

**PROSEDUR KERJA 1GFMAS
ASSET ACCOUNTING (AA)**

SENARAI ISI KANDUNGAN

BIL.	NO. RUJUKAN DOKUMEN	TAJUK DOKUMEN	MUKA SURAT
1	SINGKATAN	SINGKATAN MPK 1GFMAS	1-4
2	MPK-AA 01	PENGENALAN PROSEDUR PERAKAUNAN ASET (ASSET ACCOUNTING)	5-12
3	MPK-AA 02	PROSEDUR PEWUJUDAN DATA INDUK ASET	13-16
4	MPK-AA 03	PROSEDUR KEMASKINI DATA INDUK ASET	17-20
5	MPK-AA 04	PROSEDUR PERAKAUNAN PEROLEHAN ASET HADIAH/ SUMBANGAN DAN LAIN-LAIN	21-23
6	MPK-AA 05	PROSEDUR PENYELESAIAN ASET DALAM PEMBINAAN (AUC)	24-27
7	MPK-AA 06	PROSEDUR PERAKAUNAN PEROLEHAN ASET PAJAKAN KEWANGAN	28-39
8	MPK-AA 07	PROSEDUR PERAKAUNAN PEROLEHAN ASET KONSESI	40-48
9	MPK-AA 08	PROSEDUR PERAKAUNAN PINDAHAN ASET	49-52
10	MPK-AA 09	PROSEDUR PERAKAUNAN PENGELASAN ASET	53-55
11	MPK-AA 10	PROSEDUR PERAKAUNAN PENILAIAN SEMULA ASET	56-58
12	MPK-AA 11	PROSEDUR PERAKAUNAN PENJEJASAN NILAI ASET	59-61

BIL.	NO. RUJUKAN DOKUMEN	TAJUK DOKUMEN	MUKA SURAT
13	MPK - AA 12	PROSEDUR PELUPUSAN ASET DENGAN HASIL	62-64
14	MPK-AA 13	PROSEDUR PELUPUSAN ASET TUKAR BARANG/ TUKAR BELI	65-68
15	MPK-AA 14	PROSEDUR PELUPUSAN ASET (LAIN-LAIN)	69-71
16	MPK-AA 15	PROSEDUR PERAKAUNAN PELARASAN ASET	72-75
17	MPK-AA 16	PROSEDUR PEMBATALAN URUS NIAGA ASET	76-78
18	MPK-AA 17	PROSEDUR PERAKAUNAN SUSUT NILAI ASET SECARA MANUAL	79-81

SINGKATAN MPK 1GFMAS (dikemaskini seperti pada 17 November 2017)

BIL	SINGKATAN (dalam Bahasa Melayu/ Bahasa Inggeris)	NAMA PENUH
1	ABT	Akaun Belum Terima
2	ABC	<i>Activity- Based Costing</i>
3	ADP/ AUC	Aset Dalam Pembinaan (<i>Asset Under Construction</i>)
4	ANM	Akauntan Negara Malaysia
5	AO	Pejabat Perakaunan (Bahagian Akaun Kementerian / JANM Negeri/Cawangan)
6	AP	Arahan Pembayaran / <i>Authorised Personnel</i> / Arahan Perbendaharaan (redundant)
7	APG	Arahan Potongan Gaji
8	APK / SI	Arahan Pengurangan Kuantiti Bekalan dan Perkhidmatan (<i>Stop Instruction</i>)
9	APP	Pengguna Aplikasi
10	AR	<i>Account Receivable</i>
11	BA	Bahagian Akaun Kementerian
12	BB	Baucar Bayaran
13	BKP	Bahagian Khidmat Perunding, Jabatan Akauntan Negara Malaysia
14	BNM	Bank Negara Malaysia
15	BP	<i>Business Partner</i>
16	BPAD	Bahagian Pengurusan Audit Dalam, Jabatan Akauntan Negara Malaysia
17	BPOPA	Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi, Jabatan Akauntan Negara Malaysia
18	BPOPP	Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia
19	BPPP	Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia
20	BPTM	Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat, Jabatan Akauntan Negara Malaysia
21	BPD	Borang Pergerakan Dokumen
22	BW/ BI	<i>Business Warehouse / Business Intelligence</i>
23	BWTD	Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut, Jabatan Akauntan Negara Malaysia
24	CA	<i>Certificate Authority</i>
25	CAA	Carta Akaun Akruan
26	CM	<i>Cash Management</i>

BIL	SINGKATAN (dalam Bahasa Melayu/ Bahasa Inggeris)	NAMA PENUH
27	CoGSTR	<i>Certificate under the Goods and Service Tax (Relief) Order 2014 – Sijil Pelepasan GST</i>
28	CPC	<i>Certificate Of Practical Completion</i>
29	CTL	Cek Tak Laku
30	DO	Nota Pesanan Penghantaran (<i>Delivery Order</i>)
31	DTB	<i>Dekstop Banking</i>
32	EC	Laporan Penyata Pendapatan
33	ECC	<i>Enterprise Central Component</i>
34	Ee	Kumpulan Pekerja (<i>Employee Group</i>)
35	EeSubgroup	Sub Kumpulan Pekerja (<i>Employee Subgroup</i>)
36	EFT	<i>Electronic Fund Transfer</i>
37	EG	<i>Electronic Government</i>
38	eP	ePerolehan
39	GPKI	<i>Government Public Key Infrastructure</i>
40	GTS	<i>Government Travel System</i>
41	HCM	<i>Human Capital Management</i>
42	HO	Ibu Pejabat
43	HR	<i>Human Resource</i>
44	HRMIS	<i>Human Resource Management Information System</i>
45	iA	<i>Innovation Associates Consulting Sdn Bhd.</i> Juga dikenali sebagai <i>System Integrator (SI)</i> .
46	ICU	Unit Penyelarasan Pelaksanaan, JPM
47	IPN	Institut Perakaunan Negara , Jabatan Akauntan Negara Malaysia
48	IT	<i>Infotype</i>
49	Jab	Jabatan
50	JANM Neg/Caw	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
51	JANM Neg/Caw	Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri / Cawangan
52	JKKPP	Jawatankuasa Kerja Perakaunan Pengurusan
53	JKP	Jawatankuasa Pemandu
54	JKPPA	Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kementerian
55	JSM	<i>Job Schedule Management</i>
56	KA	Ketua Akauntan
57	Kem	Kementerian
58	KEW. 8	Borang Penyata Perubahan Gaji
59	KEW. 320 / SG20	Borang Perubahan Gaji
60	KEW310E	Borang Wujud /Batal /Kemaskini Akaun Pukal
61	KEW310	Borang Wujud Akaun Pukal
62	KEW311	Borang Kemaskini Akaun Pukal
63	KGT	Kenaikan Gaji Tahunan
64	KnowA	<i>Knowledge Article</i>
65	KP	Kad Pengenalan
66	KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
67	LA AO	<i>Local Admin - Pejabat Perakaunan</i>

BIL	SINGKATAN (dalam Bahasa Melayu/ Bahasa Inggeris)	NAMA PENUH
68	LHDN	Lembaga Hasil Dalam Negeri
69	LoA	<i>Limit of Amount</i>
70	LPC	Sijil Gaji Akhir
71	LTH	Laporan Terimaan Harian / Lembaga Tabung Haji (redundant)
72	LUH	Laporan Urusniaga Harian
73	MM	Material Management
74	MP	Manual Pengguna 1GFMAS
75	MPKA	Mesyuarat Pengarah dan Ketua Akauntan
76	MyCost	Sistem Pengkosan Kerajaan Persekutuan
77	NPB / GRN	Nota Penerimaan Bekalan dan Perkhidmatan (<i>Goods/Services Received Notes</i>)
78	NPP / FRN	Nota Pelaksanaan Perkhidmatan (<i>Fulfillment Receipt Notes</i>)
79	OTC	<i>One Time Customer</i>
80	PAT	Penutupan Akhir Tahun
81	PBH	Penyata Bank Harian
82	PC	Pusat Pembayaran (<i>Pay Centre</i>)
83	PCB	Potongan Cukai Berjadual
84	Penyedia	Pegawai diberi kuasa sebagai Penyedia
85	Peraku I	Pegawai diberi kuasa sebagai Peraku I
86	Peraku II	Pegawai diberi kuasa sebagai Peraku II
87	PERKESO	Pertubuhan Keselamatan Sosial
88	PK/ PO	Pesanan Kerajaan Bekalan dan Perkhidmatan (<i>Purchase Order</i>)
89	PP	Pejabat Pemungut
90	PPPA	Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia
91	Pre DME	<i>Pre Data Medium Exchange</i>

BIL	SINGKATAN (dalam Bahasa Melayu/ Bahasa Inggeris)	NAMA PENUH
92	PTJ	Pusat Tanggungjawab
93	RA	<i>Registration Authority</i>
94	SA	<i>Sub Admin</i>
95	SAP	<i>System Application and Product</i>
96	SAPGUI	<i>SAP Graphical User Interface</i>
97	SBP	Sistem Bayaran Pukal
98	SFTP	<i>Secured File Transfer Protocol</i>
99	SOLMAN	Solution Manager
100	SPA	Sistem Pengurusan Aset
101	SST	Surat Setuju Terima
102	TK/ CO	Tanggungjawab Kontrak Kerajaan Bekalan dan Perkhidmatan (<i>Contract Order</i>)
103	TK (K) / CW	Tanggungjawab Kontrak Kerajaan Kerja (<i>Contract Work Order</i>)
104	TP1	<i>Personal Tax Waive Able Claims</i>
105	TT	<i>Telegraphic Transfer</i>
106	USB	<i>Universal Serial Bus</i>
107	VO	Perubahan Tanggungjawab Kontrak
108	WebI	<i>Web Intelligence</i>
109	WO	Inden Kerja / Pesanan Kerja (<i>Work Order</i>)
110	WJP	Wang Jaminan Pelaksanaan
111	WPUA	Waran Perjalanan Udara Awam
112	1GFMS	<i>1 Government Financial Management and Accounting System</i>
113	1SPLN	1 Sistem Perakaunan Luar Negeri

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA 1GFMS
ASSET ACCOUNTING (AA)

TAJUK : PENGENALAN PROSEDUR PERAKAUNAN ASET (ASSET ACCOUNTING)		
RUJUKAN DOKUMEN :MPK- AA 01		MUKA SURAT : 1/8
KELUARAN : 1	PINDAAN : 0	TARIKH KEMASKINI: 1 DISEMBER 2017

1. OBJEKTIF

Prosedur ini bertujuan memberi gambaran umum Perakaunan Aset Kerajaan Persekutuan dalam Modul Aset 1GFMS, daripada tempoh perolehan aset sehingga pelupusan aset.

2. SKOP

2.1 Prosedur ini digunakan bagi memperakaunkan aset di bawah kelas akaun berikut:

- 2.1.1 A1400000: Hartanah, Loji dan Peralatan;
- 2.1.2 A1500000: Aset Pajak Kewangan;
- 2.1.3 A1700000: Aset Biologi Pertanian;
- 2.1.4 A1800000: Aset Konsesi;
- 2.1.5 A1900000: Aset Warisan;
- 2.1.6 A2000000: Aset Dalam Pembinaan;
- 2.1.7 A2200000: Hartanah Pelaburan;
- 2.1.8 A2300000: Aset Tak Ketara Usia Guna Dapat Ditetapkan;
- 2.1.9 A2400000: Aset Tak Ketara Usia Guna Tidak Dapat Ditetapkan; dan
- 2.1.10 A2500000: Aset Dalam Pembinaan – Aset Konsesi.

2.2 Ia tidak terpakai bagi kelas akaun berikut:

- 2.2.1 A1600000: Aset Pertahanan Ketenteraan;
- 2.2.2 A2100000: Aset Pertahanan Dalam Pembinaan.

2.3 Prosedur yang terlibat adalah:

- 2.3.1 Prosedur Pewujudan Data Induk Aset;
- 2.3.2 Prosedur Pengemaskinian Data Induk Aset;
- 2.3.3 Prosedur Perolehan Aset Melalui Hadiah, Sumbangan Dan Lain-lain;
- 2.3.4 Prosedur Penyelesaian Aset Dalam Pembinaan (AUC)
- 2.3.5 Prosedur Perolehan Aset Pajak Kewangan;
- 2.3.6 Prosedur Perolehan Aset Konsesi;

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA 1GFMAS
ASSET ACCOUNTING (AA)

TAJUK : PENGENALAN PROSEDUR PERAKAUNAN ASET (ASSET ACCOUNTING)		
RUJUKAN DOKUMEN :MPK- AA 01		MUKA SURAT : 2/8
KELUARAN : 1	PINDAAN : 0	TARIKH KEMASKINI: 1 DISEMBER 2017

- 2.3.7 Prosedur Pindahan Aset;
- 2.3.8 Prosedur Pengelasan Aset;
- 2.3.9 Prosedur Penilaian Semula;
- 2.3.10 Prosedur Penjejasan Nilai Aset;
- 2.3.11 Prosedur Pelupusan Aset Dengan Hasil;
- 2.3.12 Prosedur Pelupusan Aset Tukar Barang/Tukar Beli;
- 2.3.13 Prosedur Pelupusan Aset (Lain-lain);
- 2.3.14 Prosedur Pelarasan Aset;
- 2.3.15 Prosedur Pembatalan Urusniaga Aset; dan
- 2.3.16 Prosedur Susut Nilai Aset Secara Manual.

3. TERMINOLOGI

BIL	TERMA	PENERANGAN
1.	Aset	Sumber yang dikawal oleh entiti hasil daripada peristiwa lampau dan daripada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatannya dijangka mengalir masuk ke dalam entiti.
2.	Aset Semasa	Aset yang boleh ditukar kepada tunai dalam tempoh jangka pendek.
3.	Aset Bukan Semasa	Aset yang hanya boleh ditukar kepada tunai selepas satu tahun.
4.	Aset Ketara	Mempunyai kewujudan fizikal yang boleh disentuh atau dipegang untuk kegunaan dalam pengeluaran atau pembekalan barangan atau perkhidmatan, untuk disewakan kepada pihak luar, atau untuk kegunaan urusan pentadbiran.
5.	Aset Tak Ketara	Aset bukan kewangan yang boleh dikenalpasti tanpa kewujudan secara fizikal.

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA 1GFMS
ASSET ACCOUNTING (AA)

TAJUK : PENGENALAN PROSEDUR PERAKAUNAN ASET (ASSET ACCOUNTING)		
RUJUKAN DOKUMEN :MPK- AA 01		MUKA SURAT : 3/8
KELUARAN : 1	PINDAAN : 0	TARIKH KEMASKINI: 1 DISEMBER 2017

BIL	TERMA	PENERANGAN
6.	Aset Alih	Aset atau peralatan yang boleh dipindahkan atau dialihkan dari satu tempat ke tempat lain secara mudah termasuk aset yang dibekalkan bersekali dengan penyediaan bangunan atau infrastruktur lain.
7.	Aset Dipermodalkan	<p>Aset yang harga perolehan asalnya RM2,000 atau lebih bagi setiap satu unit yang merangkumi kos- kos berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> Harga Belian, termasuk Duti Import dan Cukai Belian tidak boleh bayar balik, selepas ditolak dengan Diskaun Dagangan dan Rebat; Sebarang kos langsung untuk membawa aset tersebut ke lokasi; Anggaran awal bagi kos menanggalkan dan memindahkan item dan memulihkan tapak di mana item tersebut terletak; dan Lain-lain kos berkaitan. <p>Walau bagaimanapun, had nilai RM2,000 dan ke atas bagi setiap item tidak terpakai untuk Aset Pertanian dan Aset Warisan.</p>
8.	Aset Tidak Dipermodalkan	<p>Aset yang dikategorikan sebagai belanja yang merujuk kepada :</p> <ul style="list-style-type: none"> Aset Bernilai Rendah yang harga perolehan asalnya kurang daripada RM2,000 setiap unit; dan Perolehan aset daripada Akaun Amanah Awam (Seksyen 9) tanpa mengira nilai.
9.	Aset Tak Alih	Aset yang secara kekal/tetap atau bersifat kekal/tetap berada pada tempatnya, tidak boleh dialih atau sukar dialihkan atau usaha untuk buka semula/ penanggalan melibatkan keperluan kepakaran teknikal atau perundangan yang berkaitan termasuk Aset Tak Alih Warisan.
10.	Aset Pertanian	Aset hidup contohnya haiwan atau tumbuhan yang digunakan dalam aktiviti pertanian.

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA 1GFMS
ASSET ACCOUNTING (AA)

TAJUK : PENGENALAN PROSEDUR PERAKAUNAN ASET (ASSET ACCOUNTING)		
RUJUKAN DOKUMEN :MPK- AA 01		MUKA SURAT : 4/8
KELUARAN : 1	PINDAAN : 0	TARIKH KEMASKINI: 1 DISEMBER 2017

BIL	TERMA	PENERANGAN
11.	Aset Warisan	Aset kerana kepentingan budaya, persekitaran atau sejarah yang disenaraikan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005.
12.	Aset Dalam Pembinaan (AUC)	Aset yang sedang dibina dan belum sedia untuk digunakan bagi tujuan yang dikehendaki.
13.	PTJ Dipertanggung	Merujuk kepada satu unit organisasi yang merupakan pemegang waran.
14.	PTJ Membayar	Merujuk kepada satu unit organisasi yang menjalankan urusan pembayaran.

4. INTEGRASI MODUL AA BERSAMA SISTEM LUAR

- 4.1 Integrasi Modul AA dan sistem luar adalah **secara satu hala** sahaja.
- 4.2 Sistem luar yang terlibat adalah:
- 4.2.1 Sistem Pemantauan Pengurusan Aset (SPA)

Maklumat harian daripada 1GFMS kepada SPA dihantar secara berkelompok. Ianya melibatkan data perolehan aset dipermodalkan (OS34000 – OS39000), perubahan data induk (cth: usia guna), pindahan antara PTJ Dipertanggung, pengelasan dan pelupusan aset. Walau bagaimanapun maklumat baki aset selepas proses larian susut nilai dihantar secara bulanan.

- 4.2.2 Sistem Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan (mySPATA)

Maklumat harian daripada 1GFMS kepada mySPATA dihantar secara berkelompok. Ianya melibatkan data perolehan aset dipermodalkan (OS31000 – OS33000), perubahan data induk (cth: usia guna), pindahan antara PTJ Dipertanggung, pengelasan dan pelupusan aset. Walau bagaimanapun maklumat baki aset selepas proses larian susut nilai dihantar secara bulanan.

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA 1GFMS
ASSET ACCOUNTING (AA)

TAJUK : PENGENALAN PROSEDUR PERAKAUNAN ASET (ASSET ACCOUNTING)		
RUJUKAN DOKUMEN :MPK- AA 01		MUKA SURAT : 5/8
KELUARAN : 1	PINDAAN : 0	TARIKH KEMASKINI: 1 DISEMBER 2017

4.2.3 Sistem Perakaunan Luar Negeri (1SPLN)

Maklumat harian diterima daripada 1SPLN kepada 1GFMS secara berkelompok. Ianya melibatkan data perolehan aset dipermodalkan di bawah kod OA30000 yang dibuat melalui 1SPLN.

5. **NOTA PENTING**

5.1 **UMUM**

- 5.1.1 Semua perolehan aset perlu dibuat melalui Sistem eP/Modul MM 1GFMS kecuali aset pajakan kewangan, aset konsesi, aset yang dibeli oleh PTJ di luar negara yang menggunakan Sistem 1SPLN dan aset yang diterima secara hadiah/ sumbangan dan lain-lain.
- 5.1.2 Aset Biologi Pertanian dan Aset Warisan hendaklah dikelaskan sebagai aset tanpa mengira had nilai aset.
- 5.1.3 PTJ Dipertanggung bagi aset adalah PTJ yang memiliki aset dan bertanggungjawab terhadap aset yang diterima. Walau bagaimanapun, bagi perolehan aset yang dibuat secara perolehan berpusat, pindahan kepada PTJ yang menerima perlu dibuat di 1GFMS selaras dengan pengagihan fizikal aset.
- 5.1.4 Transaksi aset hanya diperakaunkan di peringkat PTJ Dipertanggung sahaja dan bukan di peringkat Pusat Kos. Sebarang perubahan penempatan aset mengikut keperluan SPA seperti lokasi aset di bawah PTJ Dipertanggung yang sama tidak diambil kira di 1GFMS.

5.2 **DATA INDUK**

- 5.2.1 Pewujudan data induk bagi perolehan aset melalui sistem ePerolehan/ Modul MM/ Integrasi 1SPLN akan dijana secara **automatik**.
- 5.2.2 Data induk di Modul AA bagi Aset Pajakan Kewangan, Aset Konsesi, Aset Dalam Pembinaan (AUC) dan Aset yang diterima secara Hadiah/ Sumbangan Dan Lain-Lain diwujudkan secara **manual** oleh PTJ Dipertanggung. Walau bagaimanapun bagi data induk Aset Dalam Pembinaan (AUC) boleh juga diwujudkan oleh PTJ Membayar.

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA 1GFMAS ASSET ACCOUNTING (AA)

TAJUK : PENGENALAN PROSEDUR PERAKAUNAN ASET (ASSET ACCOUNTING)		
RUJUKAN DOKUMEN :MPK- AA 01		MUKA SURAT : 6/8
KELUARAN : 1	PINDAAN : 0	TARIKH KEMASKINI: 1 DISEMBER 2017

5.2.3 Pengemaskinian data induk Aset perlu dibuat oleh PTJ Dipertanggung.

5.2.4 Kod Item:

- i. Kod item merujuk kepada kod yang mengklasifikasikan item produk dan perkhidmatan untuk perolehan, yang ditentukan berdasarkan senarai di ePerolehan.
- ii. Ia merupakan maklumat mandatori bagi perolehan setiap aset kecuali Aset Dalam Pembinaan.
- iii. Perihal Aset akan dijana secara automatik dengan menggunakan maklumat daripada kod item yang dipilih.
- iv. Bagi kod item yang tidak tersenarai di ePerolehan, PTJ perlu mengunci masuk kod item tersebut menggunakan format nombor siri 10 digit angka 0 diikuti 8 digit kod akaun (cth: 0000000000A1432101 – Bangunan Kediaman).
- v. Tiada semakan sistem bagi penetapan kod akaun dan kod item. PTJ dan Pejabat Perakaunan perlu memastikan kod item bersesuaian dengan kod akaun yang dipilih.

5.3 URUSNIAGA

5.3.1 Semua transaksi perolehan dalam Modul AA tidak ada semakan bajet kecuali Perolehan Aset Melalui Integrasi 1SPLN.

5.3.2 Semua urusan niaga perlu diperakaunkan oleh PTJ Dipertanggung termasuk Arahan dan Proses Penyelesaian AUC.

5.3.3 Medan Tarikh Perolehan/ Penyelesaian AUC/ Pindahan/ Pengelasan/ Penilaian Semula/ Penjejasan Nilai/ Pelupusan dan Susut Nilai Aset Secara Manual boleh dikunci masuk sebagai tarikh semasa atau *back dated* tetapi dalam tahun kewangan yang sama.

5.3.4 Semua urusan niaga perakaunan aset hanya akan diperakaunkan setelah Perakuan II dibuat kecuali bagi proses :

- i. Penjejasan Nilai Aset;
- ii. Penilaian Semula; dan
- iii. Susut Nilai Aset secara Manual

} Ketiga-tiga proses ini hanya akan diperakaunkan setelah larian susut nilai dilaksanakan oleh BPOPA.

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA 1GFMS
ASSET ACCOUNTING (AA)

TAJUK : PENGENALAN PROSEDUR PERAKAUNAN ASET (ASSET ACCOUNTING)		
RUJUKAN DOKUMEN :MPK- AA 01		MUKA SURAT : 7/8
KELUARAN : 1	PINDAAN : 0	TARIKH KEMASKINI: 1 DISEMBER 2017

- 5.3.5 Dokumen kewangan bagi urusan perakaunan aset hanya melibatkan Baucar Jurnal yang dijana secara automatik.
- 5.3.6 Bagi perolehan aset melalui 1SPLN, PTJ Kementerian yang diberi tanggung jawab untuk menguruskan PTJ 1SPLN boleh memantau baucar jurnal setelah posting bagi aset berkenaan berjaya dilakukan di 1GFMS. Semua urusan seterusnya bagi aset tersebut perlu dilakukan di 1GFMS.
- 5.3.7 Susut Nilai
- i. Susut nilai akan diproses oleh BPOPA secara berpusat kecuali bagi Aset Pertahanan. Bagi susut nilai Aset Pertahanan ianya akan diperakaunkan melalui baucar jurnal di Modul GL 1GFMS.
 - ii. Penetapan usia guna aset di dalam sistem telah ditetapkan pada tempoh maksimum berdasarkan julat usia guna yang telah dinyatakan dalam Manual Perakaunan Akruan. Namun begitu, perubahan usia guna masih boleh dilaksanakan di Modul AA dengan kelulusan Pihak Berkuasa Melulus. (Rujuk SOP Day 2 Modul 1).
 - iii. Nilai sisa aset ditetapkan pada nilai sifar (0).
 - iv. Susut nilai sebulan penuh akan dikenakan tanpa mengira tarikh aset dipermodalkan dalam bulan berkenaan. Susut nilai tidak akan dikenakan pada bulan aset dilupuskan.

5.4 LAPORAN

- 5.4.1 Status Aset di dalam Laporan Data Induk Aset terbahagi kepada tiga:
- i. Aktif – Aset yang telah mempunyai urusan perakaunan dan belum dinyahiktiraf (*derecognised*);
 - ii. Tidak Aktif - Aset yang telah mempunyai urusan perakaunan dan dinyahiktiraf (*derecognised*); dan
 - iii. Tiada Posting – Aset yang belum mempunyai urusan perakaunan.

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

**PROSEDUR KERJA 1GFMAS
ASSET ACCOUNTING (AA)**

TAJUK : PENGENALAN PROSEDUR PERAKAUNAN ASET (ASSET ACCOUNTING)		
RUJUKAN DOKUMEN :MPK- AA 01		MUKA SURAT : 8/8
KELUARAN : 1	PINDAAN : 0	TARIKH KEMASKINI: 1 DISEMBER 2017

5.5 BORANG

5.5.1 Borang-borang berikut hanya digunakan sekiranya perlu:

- i) Borang Pergerakan Dokumen
- ii) Borang Tindakan Kerja Pewujudan/ Kemaskini Data Induk
- iii) Borang Tindakan Kerja Pelupusan

6. LAMPIRAN

6.1 Borang Pergerakan Dokumen (BPD)

6.1.1 Tiada

6.2 Borang Senarai Semak

6.2.1 Tiada

6.3 Lain-lain Borang

6.3.1 Tiada

7. RUJUKAN / PEKELILING

7.1 1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP):

7.1.1 1PP AM 1.1 - Pengurusan Aset Kerajaan

7.1.2 1PP AM 2.1 - Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan

7.1.3 1PP AM 2.6 - Pelupusan Aset Alih Kerajaan

7.1.4 1PP AM 2.7 - Kehilangan dan Hapus Kira

7.2 Manual Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan

7.3 Carta Akaun Akruan (CAA)

7.4 *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)*

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA 1GFMS
ASSET ACCOUNTING (AA)

TAJUK : PROSEDUR PEWUJUDAN DATA INDUK ASET		
RUJUKAN DOKUMEN : MPK- AA 02		MUKA SURAT : 1/4
KELUARAN : 1	PINDAAN : 0	TARIKH KEMASKINI: 1 DISEMBER 2017

1. **OBJEKTIF**

Prosedur ini bertujuan memberi panduan mewujudkan data induk aset 1GFMS bagi perolehan aset yang tidak melalui sistem eP, modul MM dan integrasi 1SPLN.

2. **SKOP**

Prosedur ini digunakan oleh PTJ untuk mewujudkan data induk aset 1GFMS bagi:

- i. Aset Dalam Pembinaan (AUC);
- ii. Aset Pajak Kewangan;
- iii. Aset Tetap Yang Lain (Cth: Aset Sumbangan/Hadiah dan lain-lain); dan
- iv. Nombor Kumpulan Aset.

3. **TERMINOLOGI**

BIL	TERMA	PENERANGAN
1.	Kelas Aset	Kelas akaun aset yang terdiri daripada Hartanah, Loji & Peralatan, Aset Warisan, Aset Pertanian, Hartanah Pelaburan dan Aset Tak Ketara.
2.	Kod Kelas Kumpulan Aset	Menggambarkan aset induk dalam sesuatu kumpulan aset. Berikut adalah senarai Kod Kelas Kumpulan Aset: <ol style="list-style-type: none">i. KA031000 – Tanahii. KA032000 – Bangunaniii. KA033000 – Kemudahaniv. KA034000 – Kenderaan dan Jenterav. KA035000 – Kelengkapan dan Peralatanvi. KA036000 – Haiwan, Pokok dan Benihvii. KA039000 – Aset Tak Ketara

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA 1GFMS
ASSET ACCOUNTING (AA)

TAJUK : PROSEDUR PEWUJUDAN DATA INDUK ASET		
RUJUKAN DOKUMEN : MPK- AA 02		MUKA SURAT : 2/4
KELUARAN : 1	PINDAAN : 0	TARIKH KEMASKINI: 1 DISEMBER 2017

BIL	TERMA	PENERANGAN													
3.	Nombor Kumpulan Aset	<p>Kumpulan beberapa ID aset yang telah diasingkan mengikut komponen.</p> <p>Contoh: Bangunan Putra Perdana</p> <table> <tr> <td>i</td> <td>Bangunan</td> <td>- ID aset :</td> <td>100000000001</td> <td rowspan="3">} No. Kumpulan Aset: 000000000001</td> </tr> <tr> <td>ii</td> <td>Lif</td> <td>- ID aset :</td> <td>100000000002</td> </tr> <tr> <td>iii</td> <td><i>Centralised Aircond</i></td> <td>- ID aset :</td> <td>100000000003</td> </tr> </table>	i	Bangunan	- ID aset :	100000000001	} No. Kumpulan Aset: 000000000001	ii	Lif	- ID aset :	100000000002	iii	<i>Centralised Aircond</i>	- ID aset :	100000000003
i	Bangunan	- ID aset :	100000000001	} No. Kumpulan Aset: 000000000001											
ii	Lif	- ID aset :	100000000002												
iii	<i>Centralised Aircond</i>	- ID aset :	100000000003												
4.	Pihak Berkuasa Melulus	JKPAK/Ketua Jabatan/Ketua Bahagian/Ketua Seksyen/Ketua Unit													

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA 1GFMS
ASSET ACCOUNTING (AA)

TAJUK : PROSEDUR PEWUJUDAN DATA INDUK ASET		
RUJUKAN DOKUMEN : MPK- AA 02	MUKA SURAT : 3/4	
KELUARAN : 1	PINDAAN : 0	TARIKH KEMASKINI: 1 DISEMBER 2017

4. TINDAKAN DAN TANGGUNGJAWAB

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB	CARTA ALIRAN
1.	Terima arahan/ kelulusan daripada Pihak Berkuasa Melulus bagi memperakaunkan aset berkaitan.	Penyedia (PTJ)	<pre> graph TD MULA([MULA]) --> S1[1] TERIMA ARAHAN / KELULUSAN S1 --> S2[2] LENGKAPKAN BORANG S2 --> D1{3} TEPAT? D1 -- TIDAK --> S2 D1 -- YA --> S3[3] PENGESAHAN S3 --> S4[4] KUNCI MASUK DATA S4 --> S5[5] CETAK S5 --> S6[6] JANA LAPORAN S6 --> TAMAT([TAMAT]) </pre>
2.	Lengkapkan Borang JANM – AA – 6.3.1 Borang Tindakan Kerja Pewujudan/Kemaskini Data Induk Aset	Penyedia (PTJ)	
3.	Semak borang dan buat pengesahan. Jika tidak lengkap atau data tidak tepat, kuir dan ulang langkah 2 sehingga selesai.	Pengesah (PTJ)	
4.	Kuncimasuk maklumat dalam sistem untuk pewujudan Nombor Aset dan Subnombor. Pastikan maklumat No. Chasis/No. Siri/No. Hakmilik (jika berkaitan) dikuncimasuk. Sila rujuk ML- AA- 11000A.	Penyedia (PTJ)	
5.	Cetak maklumat data induk aset (jika perlu) dan failkan.	Penyedia (PTJ)	
6.	Jana Laporan Data Induk Aset. (jika perlu) mengikut kriteria yang diperlukan bagi tujuan analisa.	Penyedia (PTJ)	

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

**PROSEDUR KERJA 1GFMS
ASSET ACCOUNTING (AA)**

TAJUK : PROSEDUR PEWUJUDAN DATA INDUK ASET		
RUJUKAN DOKUMEN : MPK- AA 02		MUKA SURAT : 4/4
KELUARAN : 1	PINDAAN : 0	TARIKH KEMASKINI: 1 DISEMBER 2017

5. NOTA PENTING

- 5.1 Nombor ID Aset mempunyai 12 digit sahaja dan digunapakai oleh semua PTJ dan ianya tidak boleh diguna semula. Oleh itu pastikan kewajaran dalam pewujudannya dan tiada sebarang kesilapan dilakukan oleh PTJ.

6. LAMPIRAN

- 6.1 Borang Pergerakan Dokumen(BPD)
6.1.1 Tiada
- 6.2 Borang Senarai Semak
6.2.1 Tiada
- 6.3 Lain-lain Borang
6.3.1 JANM – AA - 02 – 6.3.1 Borang Tindakan Kerja Pewujudan/Kemaskini Data Induk Aset

7. RUJUKAN / PEKELILING

- 7.1 Manual Latihan (ML) 1GFMS
7.1.1 AA-11000A Wujud Data Induk Aset

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA 1GFMS
ASSET ACCOUNTING (AA)

TAJUK : PROSEDUR KEMASKINI DATA INDUK ASET		
RUJUKAN DOKUMEN : MPK – AA 03		MUKA SURAT : 1/4
KELUARAN : 1	PINDAAN : 0	TARIKH KEMASKINI : 1 DISEMBER 2017

1. OBJEKTIF

Prosedur ini bertujuan memberi panduan bagi mengemaskini data induk aset 1GFMS.

2. SKOP

2.1 Prosedur ini digunakan oleh PTJ untuk mengemaskini data induk aset di dalam sistem 1GFMS.

2.2 Data induk aset boleh dikemaskini dalam dua keadaan berikut:

2.2.1 Sebelum sebarang urusan dibuat (posting) ke atas sesuatu ID aset:

- Pengemaskinian boleh dibuat ke atas semua medan kecuali medan Kod Akaun tanpa memerlukan proses pengesahan dan kelulusan di dalam sistem 1GFMS.

2.2.2 Selepas sesuatu urusan dibuat (posting) ke atas sesuatu ID aset:

- Pengemaskinian boleh dibuat melalui proses pengesahan dan kelulusan tanpa perlu PKI.
- Semua medan boleh dikemaskini kecuali medan berikut:
 - (i) Kod Akaun
 - (ii) Kod Kumpulan PTJ & PTJ Dipertanggung
 - (iii) Vot/ Dana
 - (iv) Program/ Aktiviti / Projek/ Setia/ Subsetia/ CP
 - (v) Kod Item

2.3 Sesuatu aset yang berstatus tidak aktif (contoh: telah dilupuskan) tidak boleh dikemaskini data induknya.

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA 1GFMS
ASSET ACCOUNTING (AA)

TAJUK : PROSEDUR KEMASKINI DATA INDUK ASET		
RUJUKAN DOKUMEN : MPK – AA 03		MUKA SURAT : 2/4
KELUARAN : 1	PINDAAN : 0	TARIKH KEMASKINI : 1 DISEMBER 2017

3. TERMINOLOGI

BIL	TERMA	PENERANGAN
1.	PKI	Prasarana Kunci Awam
2.	GPKI	Prasarana Kunci Awam Kerajaan

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA 1GFMS
ASSET ACCOUNTING (AA)

TAJUK : PROSEDUR KEMASKINI DATA INDUK ASET		
RUJUKAN DOKUMEN : MPK – AA 03	MUKA SURAT : 3/4	
KELUARAN : 1	PINDAAN : 0	TARIKH KEMASKINI : 1 DISEMBER 2017

4. TINDAKAN DAN TANGGUNGJAWAB

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB	CARTA ALIRAN
1.	Terima arahan/ kelulusan yang melibatkan pengemaskinian maklumat aset melalui Borang JANM – AA – 6.3.1 Borang Tindakan Kerja Pewujudan/ Kemaskini Data Induk Aset.	Penyedia (PTJ)	<pre> graph TD MULA([MULA]) --> S1["(1) TERIMA ARAHAN/ KELULUSAN"] S1 --> S2["(2) KEMASKINI"] S2 --> D1{"TEPAT?"} D1 -- TIDAK --> S2 D1 -- YA --> S3["SEBELUM POSTING"] D1 -- YA --> S4["SELEPAS POSTING"] S3 --> S5["SIMPAN"] S4 --> S6["SAH & LULUS"] S6 --> S7["(3) SIMPAN DATA"] S7 --> S8["(4) CETAK"] S8 --> S9["(5) JANA LAPORAN"] S9 --> TAMAT([TAMAT]) </pre>
2.	Semak ketepatan data. Kemaskini data induk aset bagi maklumat yang berkaitan: i) Sebelum Posting ii) Selepas posting <ul style="list-style-type: none"> Sah dan luluskan perubahan Sila rujuk ML- AA-11100B dan ML-AA-11200B.	Penyedia (PTJ) Pengesah (PTJ)	
3.	Simpan maklumat yang dikemaskini.	Penyedia (PTJ)	
4.	Cetak maklumat data induk aset (jika perlu).	Penyedia (PTJ)	
5.	Jana Laporan Data Induk Aset mengikut kriteria yang diperlukan bagi tujuan analisa. (jika perlu).	Penyedia (PTJ)	

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

**PROSEDUR KERJA 1GFMS
ASSET ACCOUNTING (AA)**

TAJUK : PROSEDUR KEMASKINI DATA INDUK ASET		
RUJUKAN DOKUMEN : MPK – AA 03		MUKA SURAT : 4/4
KELUARAN : 1	PINDAAN : 0	TARIKH KEMASKINI : 1 DISEMBER 2017

5. NOTA PENTING

- 5.1 Penetapan usia guna aset di dalam sistem telah ditetapkan pada tempoh maksimum berdasarkan julat usia guna yang telah dinyatakan dalam Manual Perakaunan Akruan dengan kelulusan Pihak Berkuasa Melulus. Namun begitu, perubahan usia guna masih boleh dilaksanakan di Modul AA. (Rujuk SOP Day 2 Modul 1).

6. LAMPIRAN

- 6.1 Borang Pergerakan Dokumen (BPD)
6.1.1 BPD AA
- 6.2 Borang Senarai Semak
6.2.1 Tiada
- 6.3 Lain-lain Borang
6.3.1 JANM – AA – 6.3.1 – Borang Tindakan Kerja Pewujudan/Kemaskini Data Induk Aset

7. RUJUKAN / PEKELILING

- 7.1 Manual Latihan (ML) 1GFMS
7.1.1 AA-11100B Kemaskini Data Induk Aset Tanpa Workflow
7.1.2 AA-11200B Kemaskini Data Induk Aset Dengan Workflow

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA 1GFMS
ASSET ACCOUNTING (AA)

TAJUK : PROSEDUR PERAKAUNAN PEROLEHAN ASET HADIAH/ SUMBANGAN DAN LAIN-LAIN		
RUJUKAN DOKUMEN : MPK – AA 04		MUKA SURAT : 1/3
KELUARAN : 1	PINDAAN : 0	TARIKH KEMASKINI : 1 DISEMBER 2017

1. OBJEKTIF

Prosedur ini bertujuan memberi panduan untuk mengakaunkan Perolehan Aset Hadiah/Sumbangan Dan Lain-Lain daripada entiti bukan Kerajaan Persekutuan Malaysia.

2. SKOP

Prosedur ini digunakan oleh PTJ bagi proses mengakaunkan Perolehan Aset Hadiah/Sumbangan Dan Lain-Lain yang nilainya dipermodalkan (berdasarkan kepada Polisi Perakaunan JANM). Walau bagaimanapun, bagi aset warisan dan aset pertanian, tidak tertakluk kepada had nilai tersebut.

3. TERMINOLOGI

BIL	TERMA	PENERANGAN
1.	Nilai Saksama	Ditentukan secara langsung dengan merujuk kepada harga yang boleh didapati dalam pasaran aktif atau urus niaga pasaran terkini dalam urus niaga telus, atau dianggarkan menggunakan teknik penilaian yang lain.

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA 1GFMAS
ASSET ACCOUNTING (AA)

TAJUK : PROSEDUR PERAKAUNAN PEROLEHAN ASET HADIAH/ SUMBANGAN DAN LAIN-LAIN		
RUJUKAN DOKUMEN : MPK – AA 04		MUKA SURAT : 2/3
KELUARAN : 1	PINDAAN : 0	TARIKH KEMASKINI : 1 DISEMBER 2017

4. TINDAKAN DAN TANGGUNGJAWAB

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB	CARTA ALIRAN
1.	Terima aset setelah mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Melulus.	Penyedia (PTJ)	
2.	Tentukan sama ada aset yang diterima perlu dipermodalkan atau tidak. Sekiranya tidak, daftarkan aset ke dalam Sistem Pengurusan Aset (SPA).	Penyedia (PTJ)	
3.	Tentukan sama ada aset perlu didaftarkan sebagai aset baru atau menambah nilai kepada kos aset sedia ada.	Penyedia (PTJ)	
4.	Sekiranya aset baru, wujud ID aset baru (rujuk MPK AA 02).	Penyedia (PTJ)	
5.	Sekiranya penambahan nilai kepada aset sedia ada, kuncimasuk maklumat termasuk nilai tambahan aset tersebut di dalam sistem 1GFMAS. Sila rujuk ML-AA-24100A.	Penyedia (PTJ)	
6.	Semak ketepatan data dan buat Perakuan I. Jika tidak tepat, kuir dokumen. Sila rujuk ML-AA-24100A.	Peraku I (PTJ)	
7.	Semak ketepatan data dan buat Semak AO. Jika tidak tepat, kuir dokumen. Sila rujuk ML-AA-24100A.	Penyemak (AO)	
8.	Semak ketepatan data dan buat Perakuan II. Jika tidak tepat, kuir dokumen. Sila rujuk ML-AA-24100A.	Peraku II (PTJ)	
9.	Cetak Baucar Jurnal yang telah diluluskan	Penyedia (PTJ)	
10.	Jana Laporan Perolehan Aset (jika perlu)	Penyedia (PTJ)	

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

**PROSEDUR KERJA 1GFMS
ASSET ACCOUNTING (AA)**

TAJUK : PROSEDUR PERAKAUNAN PEROLEHAN ASET HADIAH/ SUMBANGAN DAN LAIN-LAIN		
RUJUKAN DOKUMEN : MPK – AA 04		MUKA SURAT : 3/3
KELUARAN : 1	PINDAAN : 0	TARIKH KEMASKINI : 1 DISEMBER 2017

5. NOTA PENTING

- 5.1 Perolehan Aset Hadiah/Sumbangan Dan Lain-Lain hendaklah berdasarkan pekeliling yang berkuatkuasa.
- 5.2 Nilai bagi aset yang diterima hendaklah ditentukan berdasarkan nilai saksama
- 5.3 Tarikh perolehan adalah tarikh terima aset dengan syarat penerimaan aset telah mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Melulus.

6. LAMPIRAN

- 6.1 Borang Pergerakan Dokumen (BPD)
 - 6.1.1 BPD AA
- 6.2 Borang Senarai Semak
 - 6.2.1 Tiada
- 6.3 Lain-lain Borang
 - 6.3.1 Tiada

7. RUJUKAN/ PEKELILING

- 7.1 MPSAS 17 Hartanah, Loji dan Peralatan
- 7.2 Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1998 – Garis Panduan Pemberian Dan Penerimaan Hadiah Di Dalam Perkhidmatan Awam
- 7.3 Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2008 – Pihak Berkuasa Meluluskan Penerimaan Hadiah Oleh Jabatan Kerajaan
- 7.4 Manual Latihan (ML) 1GFMS AA-24100A Perolehan Aset Hadiah Sumbangan Dan Lain-Lain

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA 1GFMS
ASSET ACCOUNTING (AA)

TAJUK : PROSEDUR PENYELESAIAN ASET DALAM PEMBINAAN (AUC)		
RUJUKAN DOKUMEN : MPK – AA 05		MUKA SURAT : 1/4
KELUARAN : 1	PINDAAN : 0	TARIKH KEMASKINI: 1 DISEMBER 2017

1. OBJEKTIF

Prosedur ini bertujuan memberi panduan untuk mengakaunkan aset yang telah siap dibina (Penyelesaian AUC).

2. SKOP

Prosedur ini digunakan oleh PTJ bagi proses penyelesaian AUC. Ianya melibatkan agihan kos AUC kepada aset baru atau sedia ada dengan mengambilkira unsur *componentisation* seterusnya melengkapkan Arahan Penyelesaian bagi mengakaunkan penyelesaian AUC tersebut.

3. TERMINOLOGI

BIL	TERMA	PENERANGAN
1.	Proses Penyelesaian	Proses menyelesaikan kos AUC mengikut Arahan Penyelesaian yang telah ditetapkan.
2.	Aset Dalam Pembinaan (AUC)	Aset yang sedang dibina dan belum sedia untuk digunakan bagi tujuan yang dikehendaki.

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA 1GFMAS
ASSET ACCOUNTING (AA)

TAJUK : PROSEDUR PENYELESAIAN ASET DALAM PEMBINAAN (AUC)		
RUJUKAN DOKUMEN : MPK – AA 05	MUKA SURAT : 2/4	
KELUARAN : 1	PINDAAN : 0	TARIKH KEMASKINI: 1 DISEMBER 2017

4. TINDAKAN DAN TANGGUNGJAWAB

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB	CARTA ALIRAN
1.	<p>ARAHAN PENYELESAIAN</p> <p>Terima arahan untuk menyelesaikan AUC serta agihan kos AUC berkenaan daripada Pihak Berkuasa Melulus.</p>	Penyedia (PTJ)	<pre> graph TD MULA([MULA]) --> S1[1] S1[1] --> S2[2] S2[2] --> D1{ASET BARU?} D1 -- YA --> S3[3] S3[3] --> S4[/MPK - AA 02/] D1 -- TIDAK --> S4 S4 --> S5[4] S5[4] --> S6((1)) </pre>
2.	<p>Lengkapkan Arahan Penyelesaian AUC kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Aset baru; dan/atau ii) Aset sedia ada 	Penyedia (PTJ)	
3.	<p>Sekiranya AUC diselesaikan kepada aset baru wujud nombor aset baru (rujuk MPK - AA 02).</p>	Penyedia (PTJ)	
4.	<p>Kuncimasuk maklumat Arahan Penyelesaian ke dalam sistem 1GFMAS.</p>	Penyedia (PTJ)	

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA 1GFMS
ASSET ACCOUNTING (AA)

TAJUK : PROSEDUR PENYELESAIAN ASET DALAM PEMBINAAN (AUC)		
RUJUKAN DOKUMEN : MPK – AA 05	MUKA SURAT : 3/4	
KELUARAN : 1	PINDAAN : 0	TARIKH KEMASKINI: 1 DISEMBER 2017

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB	CARTA ALIRAN
5.	Kunci masuk atau kemaskini maklumat Proses Penyelesaian ke dalam sistem 1GFMS. Sila rujuk ML- AA-24200B	Penyedia (PTJ)	<pre> graph TD Start((1)) --> Step5[5] KUNCI MASUK/ KEMASKINI Step5 --> Dec1{TEPAT?} Dec1 -- YA --> Step6[6] PERAKUAN I Dec1 -- TIDAK --> Correction[TINDAKAN PEMBETULAN] Correction --> Step5 Step6 --> Dec2{TEPAT?} Dec2 -- YA --> Step7[7] SEMAK AO Dec2 -- TIDAK --> Correction Step7 --> Dec3{TEPAT?} Dec3 -- YA --> Step8[8] PERAKUAN II Dec3 -- TIDAK --> Correction Step8 --> Step9[9] CETAK Step9 --> Step10[10] JANA LAPORAN Step10 --> End([TAMAT]) </pre>
6.	Semak ketepatan data dan buat Perakuan I. Jika tidak tepat, kuiru dokumen. Sila rujuk ML- AA-24200B.	Peraku I (PTJ)	
7.	Semak ketepatan <i>charge line</i> dan buat Semak AO. Jika tidak tepat, kuiru dokumen. Sila rujuk ML- AA-24200B.	Penyemak (AO)	
8.	Semak ketepatan data dan buat Perakuan II. Jika tidak tepat, kuiru dokumen. Sila rujuk ML- AA-24200B.	Peraku II (PTJ)	
9.	Cetak Baucar Jurnal yang telah diluluskan	Penyedia (PTJ)	
10.	Jana Laporan Penyelesaian Aset Dalam Pembinaan (jika perlu)	Penyedia (PTJ)	

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

**PROSEDUR KERJA 1GFMS
ASSET ACCOUNTING (AA)**

TAJUK : PROSEDUR PENYELESAIAN ASET DALAM PEMBINAAN (AUC)		
RUJUKAN DOKUMEN : MPK – AA 05		MUKA SURAT : 4/4
KELUARAN : 1	PINDAAN : 0	TARIKH KEMASKINI: 1 DISEMBER 2017

5. NOTA PENTING

- 5.1 Sekiranya Aset perlu dikomponenkan, *sila* rujuk SOP Day 2 Modul 1 (AK 1, Merekod Komponen Aset).
- 5.2 Tarikh Penyelesaian AUC adalah tarikh yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melulus (contoh: tarikh CPC yang dikeluarkan oleh pihak berwajib)

6. LAMPIRAN

- 6.1 Borang Pergerakan Dokumen (BPD)
 - 6.1.1 BPD AA
- 6.2 Borang Senarai Semak
 - 6.2.1 Tiada
- 6.3 Lain-lain Borang
 - 6.3.1 Tiada

7. RUJUKAN / PEKELILING

- 7.1 Manual Latihan (ML) 1GFMS
 - 7.1.1 AA-21100B Arahan Penyelesaian Aset Dalam Pembinaan
 - 7.1.2 AA-24200B Proses Penyelesaian Aset Dalam Pembinaan
- 7.2 Standard Operating Procedure (SOP) Day 2

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA 1GFMS
ASSET ACCOUNTING (AA)

TAJUK : PROSEDUR PERAKAUNAN PEROLEHAN ASET PAJAKAN KEWANGAN		
RUJUKAN DOKUMEN : MPK – AA 06		MUKA SURAT : 1/12
KELUARAN : 1	PINDAAN : 0	TARIKH KEMASKINI : 1 DISEMBER 2017

1. OBJEKTIF

Prosedur ini bertujuan memberi panduan mengakaunkan aset pajakan kewangan.

2. SKOP

Prosedur ini digunakan oleh PTJ bagi proses mengakaunkan perolehan aset pajakan kewangan, muat naik, hapus dan kemaskini jadual pajakan kewangan, melaraskan kos kewangan dan melaraskan belanja sewaan kepada liabiliti pajakan kewangan.

3. TERMINOLOGI

BIL	TERMA	PENERANGAN
1.	Pajakan	Pajakan adalah perjanjian berkontrak antara Pemberi Pajak dan Pemajak yang memberikan Pemajak hak untuk menggunakan hartanah tertentu yang dimiliki oleh Pemberi Pajak untuk jangka masa tertentu sebagai balasan kepada bayaran tunai yang pada kebiasaannya secara berkala.

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA 1GFMS
ASSET ACCOUNTING (AA)

TAJUK : PROSEDUR PERAKAUNAN PEROLEHAN ASET PAJAKAN KEWANGAN		
RUJUKAN DOKUMEN : MPK – AA 06	MUKA SURAT : 2/12	
KELUARAN : 1	PINDAAN : 0	TARIKH KEMASKINI : 1 DISEMBER 2017

4. TINDAKAN DAN TANGGUNGJAWAB

	Tindakan	Tanggungjawab	Carta Aliran
A.	PEROLEHAN ASET PAJAKAN KEWANGAN		
1.	Terima arahan/kelulusan berserta dengan Jadual Aset Pajak Kewangan daripada Pihak Berkuasa Melulus untuk mengakaunkan perolehan aset pajak kewangan. Sila rujuk SOP Day 2, Modul 2 – PPP5.0 Kontrak Pajak.	Penyedia (PTJ)	<pre> graph TD A([A]) --> B[1] TERIMA ARAHAN/ KELULUSAN B --> C[2] WUJUD DATA INDUK C --> D[3] KUNCIMASUK MAKLUMAT D --> E{TEPAT?} E -- TIDAK --> F[TINDAKAN PEMBETULAN] F --> D E -- YA --> G[4] PERAKUAN I G --> H{TEPAT?} H -- TIDAK --> F H -- YA --> I[5] SEMAK AO I --> J{TEPAT?} J -- TIDAK --> F J -- YA --> K[6] PERAKUAN II K --> L[7] CETAK L --> M[8] JANA LAPORAN M --> N([TAMAT]) </pre>
2.	Wujudkan data induk aset pajak kewangan. Sila rujuk MPK AA 02.		
3.	Kuncimasuk maklumat perolehan aset pajak kewangan di dalam sistem 1GFMS. Sila rujuk ML-AA-24200A.	Penyedia (PTJ)	
4.	Semak ketepatan data dan buat Perakuan I. Jika tidak tepat, kuir dokumen. Sila rujuk ML-AA-24200A.	Penyedia (PTJ)	
5.	Semak ketepatan data dan buat Semak AO. Jika tidak tepat, kuir dokumen. Sila rujuk ML-AA-24200A.	Peraku I (PTJ)	
6.	Semak ketepatan data dan buat Perakuan II. Jika tidak tepat, kuir dokumen. Sila rujuk ML-AA-24200A.		
7.	Cetak Baucar Jurnal yang telah diluluskan.		
8.	Jana Laporan Perolehan Aset (jika perlu).	Penyemak (AO)	

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA 1GFMS
ASSET ACCOUNTING (AA)

TAJUK : PROSEDUR PERAKAUNAN PEROLEHAN ASET PAJAKAN KEWANGAN		
RUJUKAN DOKUMEN : MPK – AA 06	MUKA SURAT : 3/12	
KELUARAN : 1	PINDAAN : 0	TARIKH KEMASKINI : 1 DISEMBER 2017

	Tindakan	Tanggungjawab	Carta Aliran
	<p>B. MUATNAIK JADUAL BARU</p> <p>1. Muatnaik Jadual Aset Pajakan Kewangan. Sila rujuk ML-AA-21101W dan ML-AA-21102W.</p> <p>2. Cetak Jadual yang telah berjaya dimuat naik. Rujuk ML-AA-21200W. Kemukakan kepada Pegawai Penyelia.</p> <p>3. Semak ketepatan data dan sahkan jadual yang telah dicetak.</p> <p>4. Jika tidak tepat, hapuskan jadual. Rujuk ML-AA-21300W. Muatnaik jadual baru. Sila rujuk langkah B1.</p>	<p>Peraku II (PTJ)</p> <p>Penyedia (PTJ)</p> <p>Penyedia (PTJ)</p> <p>Penyedia (PTJ)</p>	<pre> graph TD B([B]) --> S1["(1) MUAT NAIK JADUAL"] S1 --> S2["(2) CETAK JADUAL"] S2 --> S3["(2) SEMAK JADUAL"] S3 --> D1{"TEPAT?"} D1 -- YA --> S4["(3) SAHKAN"] D1 -- TIDAK --> S5["(4) HAPUSKAN JADUAL"] S5 --> S1 </pre>

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA 1GFMS
ASSET ACCOUNTING (AA)

TAJUK : PROSEDUR PERAKAUNAN PEROLEHAN ASET PAJAKAN KEWANGAN		
RUJUKAN DOKUMEN : MPK – AA 06	MUKA SURAT : 4/12	
KELUARAN : 1	PINDAAN : 0	TARIKH KEMASKINI : 1 DISEMBER 2017

	Tindakan	Tanggungjawab	Carta Aliran
C.	<p>MENGAKAUNKAN KOS KEWANGAN</p> <p>Kos kewangan akan diakaunkan secara bulanan melalui <i>Job Scheduling Management (JSM)</i>.</p> <ol style="list-style-type: none"> Semak kos kewangan yang telah diakaunkan di Laporan Aset Pajak Kewangan. Sila rujuk ML-AA-24700W. Sekiranya kos kewangan yang diakaunkan tidak tepat kerana terdapat kesilapan dalam Jadual Aset Pajak Kewangan, maklumkan Pegawai Penyedia untuk kemaskini jadual. Jana Laporan Aset Pajak Kewangan (jika perlu). Sila rujuk ML-AA-24700W. 	<p>Penyedia (PTJ)</p> <p>Pegawai Penyelia (PTJ)</p> <p>Penyedia (PTJ)</p>	<pre> graph TD C([C]) --> S1[1] KOS KEWANGAN DIPERAKAUNKAN S1 --> S2[2] SEMAM S2 --> D1{TEPAT?} D1 -- TIDAK --> S2_1[2] PEGAWAI PENYEDIA KEMASKINI S2_1 --> S2 D1 -- YA --> S3[3] JANA LAPORAN </pre>
D.	<p>KEMASKINI JADUAL</p> <ol style="list-style-type: none"> Muatnaik jadual yang telah dikemaskini. Sila rujuk ML-AA-21103W. Cetak jadual yang telah berjaya dimuat naik. Sila rujuk ML-AA-21200W. Kemukakan kepada Pegawai Penyelia. Semak ketepatan data dan sahkan jadual yang telah dicetak. Jika tidak tepat, maklumkan Pegawai Penyedia untuk kemaskini semula jadual. 	<p>Pegawai Penyelia (PTJ)</p> <p>Penyedia (PTJ)</p> <p>Penyedia (PTJ)</p> <p>Penyedia (PTJ)</p>	<pre> graph TD D([D]) --> S1[1] MUAT NAIK JADUAL S1 --> S2[2] CETAK JADUAL S2 --> S3[2] SEMAM JADUAL S3 --> D2{TEPAT?} D2 -- TIDAK --> S4[4] PEGAWAI PENYEDIA KEMASKINI S4 --> S1 D2 -- YA --> S5[3] SAHKAN </pre>

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA 1GFMS
ASSET ACCOUNTING (AA)

TAJUK : PROSEDUR PERAKAUNAN PEROLEHAN ASET PAJAKAN KEWANGAN		
RUJUKAN DOKUMEN : MPK – AA 06	MUKA SURAT : 5/12	
KELUARAN : 1	PINDAAN : 0	TARIKH KEMASKINI : 1 DISEMBER 2017

	Tindakan	Tanggungjawab	Carta Aliran
E.	BAUCAR JURNAL		
1.	Terima arahan/kelulusan daripada Pihak Berkuasa Melulus untuk melaraskan kos kewangan terkurang atau terlebih caj.	Pegawai Penyelia (PTJ)	<pre> graph TD E([E]) --> T1["(1) TERIMA ARAHAN/ KELULUSAN"] T1 --> T2["(2) KUNCIMASUK MAKLUMAT"] T2 --> D1{TEPAT?} D1 -- TIDAK --> T3["TINDAKAN PEMBETULAN"] T3 --> T2 D1 -- YA --> T4["(3) PERAKUAN I"] T4 --> D2{TEPAT?} D2 -- TIDAK --> T3 D2 -- YA --> T5["(4) SEMAK AO"] T5 --> D3{TEPAT?} D3 -- TIDAK --> T3 D3 -- YA --> T6["(5) PERAKUAN II"] T6 --> T7["(6) CETAK"] T7 --> T8["(6) JANA LAPORAN"] T8 --> T9([TAMAT]) </pre>
2.	Kuncimasuk maklumat pelarasan di dalam sistem 1GFMS. Sila rujuk ML-AA-21401W.	Penyedia (PTJ)	
3.	Semak ketepatan data dan buat Perakuan I. Jika tidak tepat, kuir dokumen. Sila rujuk ML-AA-21402W.	Penyedia (PTJ)	
4.	Semak ketepatan data dan buat Semak AO. Jika tidak tepat, kuir dokumen. Sila rujuk ML-AA-21403W.	Peraku I (PTJ)	
5.	Semak ketepatan data dan buat Perakuan II. Sila rujuk ML-AA- 21404W. Jika tidak tepat, kuir dokumen. Sila rujuk ML-AA- 21405W.	Penyemak (AO) Peraku II (PTJ)	
6.	Cetak Baucar Jurnal yang telah diluluskan.	Penyedia (PTJ)	
7.	Jana Laporan Aset Pajakan Kewangan (jika perlu). Sila rujuk ML-AA-24700W.	Penyedia (PTJ)	

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA 1GFMS
ASSET ACCOUNTING (AA)

TAJUK : PROSEDUR PERAKAUNAN PEROLEHAN ASET PAJAKAN KEWANGAN		
RUJUKAN DOKUMEN : MPK – AA 06	MUKA SURAT : 6/12	
KELUARAN : 1	PINDAAN : 0	TARIKH KEMASKINI : 1 DISEMBER 2017

	Tindakan	Tanggungjawab	Carta Aliran
F.	PEMBATALAN BAUCAR JURNAL		
1.	Terima arahan/kelulusan daripada Pihak Berkuasa Melulus untuk membatalkan baucar jurnal pelarasan kos kewangan terkurang atau terlebih caj.	Penyedia (PTJ)	<pre> graph TD F([F]) --> S1[TERIMA ARAHAN/ KELULUSAN] S1 --> S2[KUNCIMASUK MAKLUMAT] S2 --> D1{TEPAT?} D1 -- TIDAK --> T1[TINDAKAN PEMBETULAN] T1 --> S2 D1 -- YA --> S3[PERAKUAN I] S3 --> D2{TEPAT?} D2 -- TIDAK --> T2[TINDAKAN PEMBETULAN] T2 --> S3 D2 -- YA --> S4[SEMAK AO] S4 --> D3{TEPAT?} D3 -- TIDAK --> T3[TINDAKAN PEMBETULAN] T3 --> S4 D3 -- YA --> S5[PERAKUAN II] S5 --> S6[CETAK] S6 --> S7[JANA LAPORAN] S7 --> T2AMAT([TAMAT]) </pre>
2.	Kuncimasuk maklumat pembatalan di dalam sistem 1GFMS. Sila rujuk ML-AA-21406W	Penyedia (PTJ)	
3.	Semak ketepatan data dan buat Perakuan I. Jika tidak tepat, kuri dokumen.	Peraku I (PTJ)	
4.	Semak ketepatan data dan buat Semak AO. Jika tidak tepat, kuri dokumen.	Penyemak (AO)	
5.	Semak ketepatan data dan buat Perakuan II. Jika tidak tepat, kuri dokumen.	Peraku II (PTJ)	
6.	Cetak Baucar Jurnal yang telah diluluskan.	Penyedia (PTJ)	
7.	Jana Laporan Aset Pajak Kewangan (jika perlu). Sila rujuk ML-AA-24700W.	Penyedia (PTJ)	

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA 1GFMS
ASSET ACCOUNTING (AA)

TAJUK : PROSEDUR PERAKAUNAN PEROLEHAN ASET PAJAKAN KEWANGAN		
RUJUKAN DOKUMEN : MPK – AA 06		MUKA SURAT : 7/12
KELUARAN : 1	PINDAAN : 0	TARIKH KEMASKINI : 1 DISEMBER 2017

	Tindakan	Tanggungjawab	Carta Aliran
G.	<p>PEMBAYARAN LIABILITI KEWANGAN MENGGUNAKAN URUSNIAGA K3 (PUKAL) ATAU K7 (LIABILITI PAJAKAN KEWANGAN/KONSESI)</p> <p>Rujuk Prosidur Kerja Pembayaran Menggunakan Jenis Urusniaga K3 dan K7. Sila rujuk ML-AP-22000 dan ML-AP-21100P.</p>		
H.	<p>PELARASAN BELANJA SEWAAN (PEMBAYARAN MENGGUNAKAN JENIS URUSNIAGA K3 ATAU K7) KEPADA LIABILITI PAJAKAN KEWANGAN</p>		
1.	Pelarasan belanja sewaan kepada liabiliti pajakan kewangan akan diakaunkan melalui <i>Job Scheduling Management (JSM)</i> .	Pegawai Penyelia (PTJ)	<pre> graph TD H([H]) --> A[1) PELARASAN BELANJA SEWAAN] A --> B[2) SEMAK JADUAL] B --> C[3) SAHKAN] C --> D([TAMAT]) </pre>
2.	Semak maklumat pelarasan yang telah diakaunkan di Jadual Pembayaran Aset Pajakan Kewangan.	Penyedia (PTJ)	
3.	Jana Laporan Aset Pajakan Kewangan (jika perlu). Sila rujuk ML-AA-21200W dan ML-AA-24700W.	Penyedia (PTJ)	

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA 1GFMS
ASSET ACCOUNTING (AA)

TAJUK : PROSEDUR PERAKAUNAN PEROLEHAN ASET PAJAKAN KEWANGAN		
RUJUKAN DOKUMEN : MPK – AA 06	MUKA SURAT : 8/12	
KELUARAN : 1	PINDAAN : 0	TARIKH KEMASKINI : 1 DISEMBER 2017

	Tindakan	Tanggungjawab	Carta Aliran
J.	PENGUBAHSUAIAN KONTRAK MELEBIHI 10% (MATERIAL)		
1.	Terima arahan/kelulusan daripada Pihak Berkuasa Melulus untuk menyahiktiraf aset pajakan kewangan. Sila rujuk SOP DAY 2 – Modul 2: PPP 5.4	Penyedia (PTJ)	<pre> graph TD J([J]) --> S1[1] TERIMA ARAHAN/ KELULUSAN S1 --> S2[2] LUPUSKAN ASET S2 --> S3[3] NYAHIKTIRAF LIABILITI PAJAKAN KEWANGAN S3 --> S4[4] IKTIRAF ASET DAN LIABILITI PAJAKAN KEWANGAN S4 --> S5[5] MUATNAIK JADUAL S5 --> S6[6] CETAK JADUAL S6 --> D1{TEPAT?} D1 -- YA --> S7[SAHKAN] D1 -- TIDAK --> D2{POSTING?} D2 -- YA --> S8[KEMASKINI] S8 --> D3([D]) D2 -- TIDAK --> S9[HAPUS] S9 --> B4((B4)) B4 --> S5 A((A)) --> S4 </pre>
2.	Lupuskan aset pajakan kewangan menggunakan proses Pelupusan Aset (Lain-lain) – <i>Write off</i> . Sila rujuk MPK-AA-14.	Penyedia (PTJ)	
3.	Nyahiktiraf liabiliti pajakan kewangan dan laraskan kerugian atas pelupusan aset menggunakan proses Pelarasan AP. Sila rujuk MPK AP 20 dan SOP Day 2 – PPP Lampiran 7.	Penyedia (PTJ)	
4.	Iktiraf semula aset dan liabiliti pajakan kewangan. Ulang semula langkah bermula dengan Item A.	Penyedia (PTJ)	
5.	Muatnaik Jadual Pembayaran Pajak Kewangan (Perubahan Material). Sila rujuk ML-AA-21105W.	Penyedia (PTJ)	
6.	Cetak Jadual yang telah berjaya dimuat naik. Sila rujuk ML-AA-21200W. Kemukakan kepada Pegawai Penyelia.	Penyedia (PTJ)	
7.	Semak ketepatan data dan sahkan jadual yang telah dicetak.	Pegawai Penyelia (PTJ)	
8.	Jika tidak tepat dan belum ada apa-apa <i>posting</i> dibuat berdasarkan jadual tersebut, hapuskan jadual seperti di item B.4. Sila rujuk ML-AA-21300W. Muatnaik semula jadual seperti di item J.5. Sila rujuk ML-AA-21105W.	Penyedia (PTJ)	

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA 1GFMAS
ASSET ACCOUNTING (AA)

TAJUK : PROSEDUR PERAKAUNAN PEROLEHAN ASET PAJAKAN KEWANGAN		
RUJUKAN DOKUMEN : MPK – AA 06	MUKA SURAT : 9/12	
KELUARAN : 1	PINDAAN : 0	TARIKH KEMASKINI : 1 DISEMBER 2017

	Tindakan	Tanggungjawab	Carta Aliran
	<p>Sekiranya telah ada <i>posting</i> dibuat berdasarkan jadual tersebut, kemaskini jadual dan muatnaik semula jadual seperti di item D.</p>		
K.	PENGUBAHSUAIAN KONTRAK TIDAK MELEBIHI 10% (TIDAK MATERIAL)		
1.	Terima arahan/kelulusan daripada Pihak Berkuasa Melulus untuk melaraskan aset dan liabiliti pajakan kewangan. Sila rujuk SOP DAY 2 – Modul 2 : PPP 5.4.	Penyedia (PTJ)	<pre> graph TD K([K]) --> 1[1] 1[1] --> 2[2] 2[2] --> 3[3] 3[3] --> 4[4] 4[4] --> 5{TEPAT?} 5 -- YA --> 5a[5] 5 -- TIDAK --> 6{6} 6 -- YA --> 7[7] 7 --> D([D]) 6 -- TIDAK --> 6b[6] 6b --> B4((B4)) B4 --> 4 </pre>
2.	Laraskan amaun perolehan dan liabiliti pajakan kewangan menggunakan proses Pelarasan Aset Yang Lain atau Pelarasan Pengurangan Kos Aset. Sila rujuk MPK-AA-15.	Penyedia (PTJ)	
3.	Muatnaik Jadual Pembayaran Pajakan Kewangan (Perubahan Tidak Material). Sila rujuk ML-AA-21104W.	Penyedia (PTJ)	
4.	Cetak Jadual yang telah berjaya dimuat naik. Sila rujuk ML-AA-21200W. Kemukakan kepada Pegawai Penyelia.	Penyedia (PTJ)	
5.	Semak ketepatan data dan sahkan jadual yang telah dicetak.	Pegawai Penyelia (PTJ)	
6.	Jika tidak tepat dan belum ada apa-apa <i>posting</i> dibuat berdasarkan jadual tersebut, hapuskan jadual seperti di item B.4. Sila rujuk ML-AA-21300W.	Pegawai Penyelia (PTJ)	
7.	Muatnaik semula jadual seperti di item K.3. Sila rujuk ML-AA-21104W.	Penyedia (PTJ)	
	<p>Sekiranya telah ada <i>posting</i> dibuat berdasarkan jadual tersebut, kemaskini jadual dan muatnaik semula jadual</p>		

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA 1GFMAS
ASSET ACCOUNTING (AA)

TAJUK : PROSEDUR PERAKAUNAN PEROLEHAN ASET PAJAKAN KEWANGAN		
RUJUKAN DOKUMEN : MPK – AA 06		MUKA SURAT : 10/12
KELUARAN : 1	PINDAAN : 0	TARIKH KEMASKINI : 1 DISEMBER 2017

	Tindakan	Tanggungjawab	Carta Aliran
	seperti di item D.		

5. NOTA PENTING

- 5.1 PTJ yang memuatnaik Jadual Aset Pajak Kewangan adalah PTJ Membayar di baris caj perolehan aset pajak kewangan.
- 5.2 Jadual Aset Pajak Kewangan hanya boleh dihapuskan sekiranya tiada sebarang *posting* dibuat berdasarkan jadual tersebut. Pengguna hanya perlu muatnaik semula jadual baharu di Portal 1GFMAS.
- 5.3 Sekiranya *posting* telah dibuat berdasarkan Jadual Aset Pajak Kewangan yang telah dimuatnaik, jadual hanya boleh dikemaskini di dalam Portal 1GFMAS.
- 5.4 Jadual Aset Pajak Kewangan terkini akan ditetapkan kepada versi 0 dan versi terdahulu ditetapkan kepada selain 0 secara turutan menaik (contoh: versi 1,2,3).
- 5.5 PTJ Menyedia baucar jurnal adalah PTJ Membayar di baris caj perolehan aset pajak kewangan.
